



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

No. 13 Persiaran Perdana, Presint 2,
62623 Putrajaya

No. Telefon : 03-8882 6486
E-mel : ukk@kpdn.gov.my

PELAKSANAAN SKIM HARGA MAKSIMUM MUSIM PERAYAAN HARI RAYA PUASA 2026

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) hari ini melaksanakan tinjauan pematuhan peniaga sempena permulaan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan Hari Raya Puasa 2026 yang berkuat kuasa mulai 14 hingga 28 Mac 2026.

Skim ini dilaksanakan selama 15 hari, meliputi tujuh hari sebelum perayaan, satu hari semasa perayaan dan tujuh hari selepas perayaan. Sebanyak 27 jenis barangan telah dikenal pasti sebagai barangan harga terkawal di bawah skim ini, dengan jumlah barangan berbeza mengikut negeri iaitu 24 barangan di Semenanjung, 23 barangan di Sabah dan Sarawak serta 22 barangan di Wilayah Persekutuan Labuan.

Penentuan senarai barangan, harga maksimum dan tempoh pelaksanaan skim dibuat berdasarkan beberapa faktor, antaranya ketersediaan bekalan, kos semasa, keadaan cuaca, kadar upah serta faktor-faktor lain yang berkaitan.

Dalam menetapkan harga maksimum, KPDN turut mengambil kira pandangan dan maklum balas daripada rakan strategik kerajaan termasuk Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), agensi-agensi kerajaan serta pemain industri. Barangan yang terlibat di bawah Skim adalah:

- 1) Bawang kuning besar;
- 2) Bawang merah besar;
- 3) Bawang merah kecil India;
- 4) Bawang putih (China);
- 5) Cili kering keriting;

- 6) Cili merah;
- 7) Daging kerbau import (India) (***dikawal di Semenanjung, Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan sahaja**);
- 8) Daging lembu import (***dikawal di Sarawak sahaja**);
- 9) Daging lembu tempatan (kecuali daging batang pinang) (***dikawal di Semenanjung**);
- 10) Halia tua import;
- 11) Ikan aya atau tongkol (saiz antara 1 ekor hingga 2 ekor setiap kilogram) (***dikawal di Pahang, Terengganu dan Kelantan sahaja**);
- 12) Ikan demuduk, sagai, cermin atau cupak (saiz antara 3 ekor hingga 5 ekor setiap kilogram) (***dikawal di Sabah sahaja**);
- 13) Ikan kembung termasuk ikan mabung (saiz antara 8 ekor hingga 12 ekor setiap kilogram);
- 14) Ikan selayang (saiz antara 8 ekor hingga 12 ekor setiap kilogram);
- 15) Kacang dal (Australia);
- 16) Kacang panjang;
- 17) Kacang tanah;
- 18) Kelapa biji (*harga maksimum di peringkat borong sahaja);
- 19) Kelapa parut (*harga maksimum di peringkat runcit sahaja);
- 20) Kepak ayam (***dikawal di Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan sahaja**);
- 21) Kubis bulat import (Indonesia dan China, tidak termasuk kubis Beijing, ***dikawal di Semenanjung Malaysia dan Sarawak sahaja**);
- 22) Lobak merah (China);
- 23) Santan kelapa(*harga maksimum di peringkat runcit sahaja);
- 24) Sawi hijau;
- 25) Timun;
- 26) Tomato; dan
- 27) Ubi kentang (China)

Harga maksimum di peringkat borong dan runcit bagi semua barangan yang dikawal boleh disemak menerusi laman sesawang rasmi KPDN di www.kpdn.gov.my.

KPDN akan terus bekerjasama rapat dengan KPKM bagi memastikan bekalan barangan yang dikawal kekal mencukupi sepanjang tempoh pelaksanaan skim ini.

Bagi memastikan pematuhan peniaga, pegawai penguat kuasa KPDN di seluruh negara akan melaksanakan pemeriksaan dan pemantauan di lokasi-lokasi strategik termasuk pasar awam, pasar tani dan pusat membeli-belah. Langkah ini penting bagi memastikan hak pengguna terus dilindungi serta mengelakkan sebarang pelanggaran terhadap peraturan yang ditetapkan.

Semua peniaga yang terlibat diingatkan supaya mematuhi harga maksimum yang telah ditetapkan dan menggunakan tanda harga berwarna merah jambu bagi barangan harga terkawal. Kegagalan mematuhi peraturan di bawah skim ini akan dikenakan tindakan tegas di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011.

Penalti yang boleh dikenakan adalah seperti berikut:

1. **Kesalahan menjual barangan harga terkawal melebihi harga maksimum:**
 - a. **Individu;** boleh didenda oleh mahkamah sehingga RM100,000 atau dipenjarakan tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya atau dikompaun sehingga RM50,000; dan
 - b. **Syarikat;** boleh didenda sehingga RM500,000 atau dikompaun sehingga RM250,000;
2. **kesalahan gagal meletakkan tanda harga berwarna merah jambu** bagi barangan harga terkawal:
 - a. **individu;** boleh didenda oleh mahkamah sehingga RM10,000 atau dikompaun sehingga RM5,000; dan
 - b. **syarikat;** boleh didenda sehingga RM20,000 atau dikompaun sehingga RM10,000.

KPDN meminta kerjasama orang ramai yang juga merupakan sebahagian daripada gerakan massa di bawah kempen KITA GEMPUR untuk memaklumkan kepada Kementerian sekiranya berlaku salah laku oleh mana-mana pihak berhubung ketidakpatuhan ke atas skim bersama

butiran aduan yang lengkap melalui saluran berikut:

- i. WhatsApp 019-848 8000;
- ii. Call Centre 1-800-886-800;
- iii. E-mel e-aduan@kpdn.gov.my; dan
- iv. Aplikasi Telefon Pintar Ez ADU KPDN

YB SENATOR DATUK DR. HAJAH FUZIAH SALLEH
Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri
dan Kos Sara Hidup

Kuching, Sarawak
14 Mac 2026

